

Misi buru gemilang di Glasgow


Menjelang Sukan Komanwel Glasgow yang berlangsung dari Rabu (23 Julai) hingga 3 Ogos, Norman Sawi (normans@sph.com.sg) merumuskan matlamat dan cabaran yang menanti kontingen Singapura di Scotland nanti.



BURU PRESTASI TERBAIK:
Aizat Jufrie ingin mencapai prestasi terbaik di Glasgow.

Foto: ZAINAL YAHYA

Kontingen Singapura:



70 atlit

7 sukan

- Angkat berat
- Atletik
- Badminton
- Gimnastik
- Menembak
- Renang
- Tenis meja

Ratu pecut Dipna Lim-Prasad, 23 tahun yang dijadual bertanding dalam acara 200 meter dan 4x100 meter terpaksa mengundur diri di saat terakhir selepas mengalami kecederaan di peha. Tempatnya diganti oleh Tyra Summer Ree.

Peluang terbaik Singapura untuk menggondol pingat emas ialah menerusi tenis meja dan menembak.

Tyra Summer Ree



Foto: KHALID BABA



ORANG KUAT: Lewis Chua perlu menggunakan sebarang pengalaman dan kekuatan jasmaninya untuk meraih kejayaan dalam sukan kesayangannya ini.

Matlamat:

Ketua kontingen, Low Teo Ping telah menetapkan sasaran tinggi untuk atlit negara –



MENJELANG PERTARUNGAN DI GLASGOW: Kontingen Singapura menjadi tetamu di tempat kediaman Pesuruhjaya Tinggi Britain, Encik Antony Phillipson (kiri) di Eden Hall, Nassim Road awal bulan ini. Turut hadir ialah ketua kontingen Encik Low Teo Ping (depan tengah), dan setiausaha agung Majlis Sukan Olimpik Singapura (SNOC) Encik Chris Chan. – Foto: M.O. SALLEH

untuk meraih keputusan yang terbaik dalam sejarah Sukan Komanwel negara.

Bercakap kepada The Straits Times awal bulan ini, Encik Low berkata, beliau menjangka sekurang-kurangnya rekod nasional dan keputusan terbaik peribadi daripada 70 atlit negara yang kebanyakannya telah pun berada di Glasgow, Scotland.

“Atlit kami perlu ke sana dengan mentaliti untuk memperbaiki masa kelayakan masing-masing. Mereka tidak ke sana untuk melancong... mereka mewakili negara dengan disaksikan mata dunia,” kata Encik Low.

JUARA MUDA: Martina Lindsay Veloso memenangi acara senapang udara 10 meter di Piala Dunia di Munich, Jerman bulan lalu. Beliau bertanding dalam Sukan Komanwel pertamanya bulan ini. – Foto: ISSF

Prestasi negara empat tahun lalu:

Singapura meraih kepulauan terbaik dalam sejarah di Sukan Komanwel India 2010 – 31 pingat - 11 emas, 11 perak dan 9 gangsa.

26 pingat itu disumbangkan oleh tenis meja (enam emas, lima perak, satu gangsa) dan menembak (lima emas, empat perak, lima gangsa).

Pasukan tenis meja negara berjaya membolot enam daripada tujuh pingat emas yang ditawarkan dalam acara itu. Ia gagal memenangi acara *doubles* lelaki.



PIKUL TANGGUNGJAWAB: Clarence Chew memikul tanggungjawab membantu pasukan tenis meja mengekalkan prestasi emas di Sukan Komanwel. – Foto: AFP

Pencapaian terhebat Singapura:

Sukan Komanwel Wales, 1958 – kali pertama Singapura mengambil bahagian - atlit angkat berat Tan Howe Liang dan Tan Ser Cher mengharumkan nama negara dengan memenangi emas dalam acara masing-masing.

Howe Liang menjuarai

kategori *lightweight* selepas mengangkat 358 kilogram sementara Ser Cher mengutip emas selepas mengangkat 358 kg dalam kategori *featherweight*.

Howe Liang mengulangi pencapaiannya di Sukan Komanwel 1962 di Australia apabila beliau mengangkat 390 kg dalam kategori *middleweight*.

Rakan sepasukan, Chua Phung Kim pula mencatat rekod kategori *featherweight* apabila beliau mengangkat 322 kg. Rekod yang dicatatkan Chua bertahan lebih 40 tahun selepas ia dicatat.

Angkat berat menyumbang empat lagi pingat selepas 1962 dan petinju negara Syed Abdul Kadir memenangi pingat gangsa dalam 1974 – satu-satunya pingat Republik dalam acara tinju.

Sukan Komanwel Ke-20 di Glasgow Scotland:

Sehingga 6,500 atlit dari 71 negara akan bersaing dalam 17 acara. Atlit akan menginap di Perkampungan Atlit sebesar 35 hektar yang dibina khusus untuk temasya sukan ini. Ia merangkumi prasarana perubatan, kawasan riadah dan pusat membeli-belah.

MEMBURU MASA PERIBADI TERBAIK: Marina Chan berharap dapat 'memotong' lagi masanya dalam acara-acaranya.

